



Muhaya Mohamad,
Pengarah Pusat Mata dan Lasik
Prof. Muhaya (PMELC).

PENDIDIKAN MEMBINA IQ, EQ DAN SQ

Pada suatu masa dahulu, kecemerlangan pelajar hanya difokuskan pada tahap darjah kecerdasan otak atau *intelligence quotient* (IQ) remaja. IQ merupakan ukuran kebolehan atau kecerdasan intelektual seseorang dari segi cara berfikir, menganalisis, menghuraikan, menterjemah dan menguasai sesuatu perkara dan fakta, yakni dengan mengikut logik akal sahaja. Akan tetapi, kini kesedaran telah timbul kepada para pendidik kerana kecemerlangan IQ bukan jaminan untuk melahirkan generasi positif, dalam dunia yang terdedah dengan banyak perkara yang berunsur negatif.

Kesedaran kini, *emotional quotient* (EQ) adalah lebih penting diterapkan dalam jiwa remaja. EQ ialah ukuran kebolehan atau kecerdasan emosi seseorang untuk mengawal, memberikan reaksi dan respons, ketika berhadapan dengan sesuatu situasi (perasaan). EQ lebih penting daripada IQ kerana EQ menentukan sikap seseorang, terutamanya dalam pergaulan dengan masyarakat. Magnet dan aura diri anda bergantung pada emosi anda. Jika emosi negatif, magnet dan aura diri anda negatif, kesannya anda akan menarik banyak perkara negatif dalam kehidupan anda. Pembangunan EQ akan membuahkan kecerdasan

emosi yang berkeupayaan untuk memahami diri sendiri dan diri orang lain, serta untuk merasakan emosi orang lain hidup bersama-sama anda. Rakan anda gembira dengan kejayaannya, anda tumpang bahagia, dan apabila rakan anda berduka, anda turut bersedih, simpati dan memahami kesedihan atau kekecewaannya.

Namun begitu, adalah lebih baik jika remaja yang dikasihi sekalian juga mempunyai kelebihan dari segi SQ. SQ (*spiritual quotient*) merujuk ukuran tahap kemampuan dan sejauh mana anda memiliki kecerdasan spiritual atau kerohanian. Untuk memiliki SQ yang tinggi, kefahaman akidah anda perlu mantap, iaitu percaya kepada kuasa Yang Maha Agung, Allah SWT-Dia yang menentukan takdir hidup anda, dan anda sebagai hamba-Nya hanya mampu menjunjung takdir-Nya. Jika ditakdirkan dengan dugaan, anda mesti bersabar dan reda. Andai ditakdirkan dengan kebahagiaan, anda mesti bersyukur.

Dengan hal yang demikian, anda tidak akan menjadi sombong dan berasa diri anda yang paling hebat. Jika anda berjaya, anda menyedari bahawa kejayaan tersebut bukan kerana kepandaian anda, tetapi rezeki kejayaan yang Allah beri sebagai balasan usaha kuat anda, dan keyakinan anda berdoa serta bertawakal kepada-

IQ EQ SQ

Nya. Jika anda gagal, anda tidak akan mudah mengalah. Anda akan mencuba lagi, anda akan bangun daripada jatuh akibat kegagalan anda. Anda akan memulakan strategi baharu dan tidak akan mengulangi kesilapan yang lama.



SIKAP IBU BAPA YANG SUKA MENGHUKUM ANAK SEHINGGA ANAK MEREKA BERASA DIRI MEREKA TIDAK CUKUP BAIK TELAH MEMBINA IMEJ NEGATIF PADA DIRI ANAK. MENYAYANGI ANAK BUKAN BERMAKNA MEMANJAKAN ANAK. KASIH SAYANG DAN MEMANJAKAN MERUPAKAN DUA PERKARA YANG BERBEZA. OLEH YANG DEMIKIANLAH ADA PRINSIP OTAK KIRI DAN OTAK KANAN KANAK-KANAK. OTAK KIRI BERFUNGSI UNTUK LOGIK, SOLUSI DAN PERKARA YANG PATUT ANAK BUAT, MANAKALA OTAK KANAN UNTUK KASIH SAYANG DAN EMOSI.



Sistem pelajaran perlu menekankan polisi pendidikan yang menerapkan nilai IQ, EQ dan SQ yang tinggi, bermula dari tadika hingga universiti. Sistem pendidikan kini bukan lagi mendidik pelajar supaya belajar untuk menjadi pandai sahaja, tetapi belajar untuk menjadi individu yang baik. Hal ini demikian kerana baik itu berasal dari hati. Apabila hati baik, maka

akan baiklah seluruh keperibadian dan tindak-tanduk individu tersebut.

Remaja sekalian, jika anda bertemu orang, anda suka pada orang itu kerana kebaikan atau kecantikannya? Secara hakikatnya, remaja tentulah suka yang cantik-cantik dan indah-indah sahaja. Walau bagaimanapun, kecantikan tidak akan kekal untuk selamanya. Lama-kelamaan, kecantikan, iaitu kelebihan dari segi IQ tidak dipandang orang jika berperangai buruk, yakni kekurangan daripada segi EQ. Suka marah, suka merengus, suka mengeluh, suka mencemuh, tidak mensyukuri, tidak pandai berterima kasih, tidak memahami perasaan orang, mahu semua orang mengikut cakap anda sahaja, sikap inilah yang menyebabkan akhirnya rakan-rakan anda akan menjauhi diri daripada anda. Biar pun anda ayu rupawan, jika EQ anda rendah, anda tidak mungkin disenangi oleh orang lain. Ketahuilah bahawa manusia memiliki 10 inteligensia, iaitu lima interpersonal (fahami orang) dan lima intrapersonal (fahami diri).

Oleh sebab itu, pada umur anak dari kanak-kanak hingga remaja, ibu bapa perlu menyeimbangkan usaha mendidik dan membangunkan IQ dan EQ mereka. Dengan kata lain, dalam usaha memberikan sepenuh kasih sayang, ibu bapa juga harus membina minda anak-anak, membuat mereka berfikir untuk membangunkan rasa atau emosi pada hatinya. Contohnya, jika anak berbuat baik, pujilah mereka dengan sepenuh hati sebagai tanda diri anda selaku ibu bapa menghargai sikap anak anda yang positif. Jangan sesekali ibu bapa memarahi anak di hadapan orang lain kerana anak akan berasa malu, berasa dirinya seorang individu yang tidak berguna dan tidak baik.

Oleh sebab itu, jika ibu bapa hanya memanjakan kanak-kanak yang berumur hingga

tujuh tahun, iaitu fokus kepada fungsi otak kanan sahaja, dan tidak memberitahu kepada anak mengenai implikasi sikapnya kepada orang lain, maka kanak-kanak itu juga akan rosak tingkah lakunya apabila dia membesar, terutamanya apabila mereka mencapai usia remaja. Hal ini terjadi kerana ibu bapa tidak menyeimbangkan antara mendidik dengan membangunkan IQ dan EQ anak. ^{CS}



Penanda aras kecemerlangan seseorang remaja sebenarnya dinilai dari segi IQ, EQ dan SQ. Ketiga-tiga ukuran sikap tersebut penting untuk dimiliki. Ketiga-tiganya perlu dibangunkan melalui sistem pendidikan di sekolah atau universiti, untuk mendidik remaja menjadi seorang individu yang positif.

